

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha pembangunan yang telah dilaksanakan atas tanah-tanah terbiar yang banyak di daerah Papar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Dalam usaha mengoptimumkan penggunaan tanah untuk tujuan pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan:

- i. Projek Pemulihan Tanah Sawah Terbiar di Negeri Sabah; dan
- ii. Projek Tanah Terbiar.

Projek Pemulihan Tanah Sawah Terbiar di Negeri Sabah dan Projek Tanah Terbiar dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sabah dengan jumlah peruntukkan sehingga tahun 2019 masing-masing RM10.42 juta dan RM10.749 juta.

2. Projek Pemulihan Tanah Sawah Terbiar di Negeri Sabah bermula pada tahun 2007 khusus bagi tanah sawah untuk tujuan penanaman padi. Insentif ditawarkan kepada usahawan dan pemilik tanah pada kadar maksimum RM5,000 – RM7,000 per hektar.

**SOALAN NO : 27**

Sehingga kini, seluas 690 hektar tanah sawah terbiar telah dipulihkan dengan 190 hektar adalah di daerah Papar. Kawasan di Papar yang terlibat adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>KAMPUNG</b>	<b>KELUASAN (HEKTAR)</b>	<b>PELAKSANA</b>
2016	Kg. Lakut	40	Jabatan Pertanian Sabah
2018	Kg. Bunal, Bongawan	40	Pertubuhan Peladang Negeri Jentera Cawangan Papar
2019	Kg. Sabang, Bongawan	40	Syarikat Sunnata Agritec Sdn. Bh
	Kg. Navoung	30	Jabatan Pertanian Sabah
	Kg. Luagan, Bongawan	40	

3. Manakala bagi Projek Pembangunan Tanah Terbiar yang bermula pada tahun 2007 bertujuan untuk membangunkan tanah supaya produktif dan memberi pulangan kepada pengusaha di samping peningkatan dalam pengeluaran tanaman makanan. Insentif ditawarkan kepada usahawan dan pemilik tanah pada kadar maksimum RM20,000 per hektar secara *one-off*. Seramai 1,283 orang pengusaha telah menerima insentif yang disalurkan oleh Jabatan Pertanian Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.